**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU AWAM**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | **PERKHIDMATAN KEMAHIRAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **H11, H14** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 NOVEMBER 2013** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM850.00).

   (**Syarat Tambahan**: Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED H14**

10. Pembantu Awam Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H14 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMANDU LOKOMOTIF GRED A13, PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17, PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J17 ATAU PENGAWAS HUTAN GRED G17**

11. Pembantu Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, Pembantu Kemahiran Gred H17, Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 atau Pengawas Hutan Gred G17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Awam yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2013).